

19/08/2000

Peniaga wajar guna SAID untuk cari rakan kongsi

Mohd Fuad Razali in Maputo (Mozambique)

MAPUTO (MOZAMBIQUE), Jumaat - Sikap suka berkumpul sesama kelompok sendiri rupanya bukan saja berlaku di kalangan pelajar tetapi juga menular di kalangan ahli perniagaan tempatan.

Kelompok ahli perniagaan itu dikatakan gemar berbuat demikian daripada mengambil peluang mencari rakan kongsi baru ketika menghadiri dialog perniagaan antarabangsa yang dianjurkan oleh kerajaan.

Pendedahan itu dibuat oleh Pengerusi Bersama (Kerajaan) Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman ketika bercakap kepada pemberita Malaysia di Hotel Polana, di sini, petang semalam.

Menurutnya, mereka sepatutnya menggunakan landasan seperti Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) serta Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) untuk mencari rakan kongsi serta meneroka peluang perniagaan baru, terutama pada peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, katanya, sesetengah ahli perniagaan yang terpilih menghadiri dialog sedemikian malu untuk berinteraksi dengan rakan mereka dari negara lain, sebaliknya lebih gemar berkumpul sesama sendiri.

"Dialog ini bertujuan memberi peluang kepada semua ahli perniagaan berjumpa antara satu sama lain, tetapi mereka sendiri perlu bersikap lebih agresif (menjalin hubungan untuk mengadakan kerjasama).

"Kita sudah menyediakan landasan untuk mereka berbuat demikian, tetapi pencapaian matlamat dialog itu bergantung kepada ahli perniagaan sendiri. Oleh itu, mereka sendiri kena membantu diri mereka," katanya.

Beliau berada di sini kerana menghadiri SAID 2000 yang akan berlangsung selama empat hari, mulai esok.

Dialog yang bermatlamat menggalakkan perkongsian bestari kerajaan serta ahli perniagaan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa itu adalah anjuran bersama MIGHT dengan Pusat Perkongsian Teknologi Maklumat Komanwel (CPTM) dan Jawatankuasa bertindak SAID 2000 Mozambique.

Kira-kira 12 ketua kerajaan dan negara, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta 350 delegasi dijangka menghadiri dialog kali keempat itu. Kira-kira 40 delegasi dari Malaysia menyertainya.

(END)